

# Hentikan kempen tandatangan - PM

UM 23 MAR 1990

**G**ENTING HIGHLANDS 22 Mac — Kerajaan hari ini sekali lagi meminta pihak - pihak yang sedang memungut tandatangan menentang Enakmen Agama Islam Negeri Selangor supaya berhenti berbuat demikian kerana ia boleh menimbulkan ketegangan di kalangan rakyat.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, perkara sensitif seperti ini eloklah diselesaikan me-

lalui rundingan.

Dalam hubungan ini, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata beliau sememangnya akan menemui Majlis Perundingan Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh yang menjalankan kegiatan memungut tandatangan itu.

Pertemuan itu, katanya, akan diadakan tidak lama lagi.

Sementara menunggu pertemuan itu, kempen tersebut eloklah dihentikan,

ujar beliau.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, ini bukanlah satu syarat untuk mengadakan pertemuan itu.

"Terpulanglah kepada mereka. Kalau betul mereka berniat untuk selesaikan masalah itu, sepatutnya mereka menghentikan kempen itu," katanya kepada para pemberita selepas mengadakan pertemuan tahunan dengan pegawai - pegawai tinggi kerajaan di sini hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas kenyataan majlis perundingan agama itu untuk mengadakan pertemuan dengan beliau bagi menjelaskan pendirian mereka berhubung isu enakmen Islam itu.

Sama ada mereka berhenti atau tidak, kata Dato' Sri Dr. Mahathir, beliau tetap akan menemui majlis perundingan itu.

Beliau berharap isu tersebut tidak "dibincangkan" secara terbuka kerana ia boleh menimbulkan pelbagai tafsiran yang boleh meruncingkan lagi keadaan.

Dato' Sri Dr. Mahathir menambah, oleh itu, penyelesaian yang paling baik ialah dengan mengadakan rundingan.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, Malaysia merupakan salah sebuah negara yang benar - benar mengamalkan kebebasan beragama di kalangan rakyatnya dan ini terbukti dengan tempat - tempat ibadat semua agama yang terdapat di merata tempat.

## Kebimbangan

"Sebagai contoh di Kuala Lumpur, kita bukan sahaja boleh melihat masjid bahkan gereja, kuil dan sebagainya di merata - rata tempat," jelasnya.

Sebaliknya, ujar Perdana Menteri, di setengah - setengah negara yang mendakwa mengamalkan kebebasan beragama, penduduknya tidak mendapat kemudahan tempat beribadat.

Majlis Perundingan Agama Buddha, Hindu, Kristian dan Sikh dalam satu kenyataannya Sabtu lalu, dilaporkan akan mengumumkan mengenai kempenya mengumpul tandatangan itu ekoran kebimbangan yang disuarakan oleh Dato' Sri Dr. Mahathir di Dewan Rakyat baru - baru ini.